

# Penduduk Selangor sambut baik usaha membudayakan ICT

S-H 16/01/08 M/S 3

**USAHA** membudayakan aplikasi teknologi maklumat dan ICT sememangnya perlu dilihat dari sudut positif oleh penduduk negeri Selangor.

Dengan penyediaan Klang Valley Broadband Push (KVBP) yang bertujuan meningkatkan taraf Lembah Klang kepada kawasan Koridor Raya Multimedia (MSC) melalui pelaksanaan jalur lebar, ia seharusnya digunakan dengan sebaik mungkin agar semua pihak dapat menikmati kemudahan ICT yang lebih baik dan canggih.

Usaha kerajaan negeri untuk menghubungkan rangkaian dan melengkapkan prasarana kemudahan infrastruktur jalur lebar yang diteruskan dari semasa ke semasa sewajarnya disokong pula dengan kesungguhan rakyat untuk menjayakan pelbagai program yang diatur oleh pihak-pihak terbabit.



**SYALVIA SULIHAN**

Cadangan di masa hadapan kerajaan negeri untuk memperluaskan sistem aplikasi pangkalan data berpusat supaya proses pentadbiran lebih cekap dan efisien juga nampaknya disambut baik oleh orang ramai.

Tinjauan **Sinar Harian** di beberapa pusat perkhidmatan pelbagai urusan yang membabitkan kerajaan negeri mendapati orang ramai selesa dengan kemudahan yang disediakan. Ini kerana melalui aplikasi ICT yang



**MICHEALAMML**

lebih bersepadu dan bersistem banyak urusan dapat diselesaikan dapat jangka masa yang singkat dan praktikal.

Bagi Syalvia Sulihan, 23, dari Shah Alam berkata dia amat bersetuju jika kerajaan Selangor mengaplikasikan sepenuhnya penggunaan ICT dalam urusan pentadbiran kerana ia dapat memudahkan orang ramai jika berurusan dengan kerajaan negeri.

"Ia juga seterusnya dapat me-



**NUR FARIZA IBRAHIM**

tingkatkan imej Kerajaan Negeri di mata penduduk dan penduduk tidak akan merasa ragu-ragu untuk berurusan dengan pihak berkaitan," katanya.

Dia juga berpendapat Selangor amat berpotensi untuk menjadi pusat ICT yang terkemuka seiring dengan saranan Perdana Menteri supaya keseluruhan Lembah Klang menjadi kawasan berstatus MSC.

Michealamml, 50, dari Setia Alam pula berpendapat jika kerajaan negeri mengaplikasikan pangkalan data berpusat, ia dapat menjadikan proses pentadbiran lebih cekap, cepat dan efisien di samping menjimatkan masa semua pihak.

"Dengan itu orang ramai tidak perlu lagi untuk beratur panjang dan menunggu berjam-jam kerana sistem pentadbiran lebih cekap dan cepat.

"Masa amat berharga bagi semua pihak dan saya fikir dengan cara

ini semua pihak berada dalam situasi menang-menang," tambahnya lagi.

Nur Fariza Ibrahim yang juga dari Shah Alam pula berkata kemudahan menerusi internet banyak membantu jika orang ramai mahu sebarang maklumat dari Kerajaan Negeri dan juga agensi kerajaan di Selangor.

Katanya, Portal Sistem Talian Aduan Rakyat Selangor (Stars) adalah platform paling baik untuk memberi maklum balas dengan cepat dan mudah serta dapat sampai terus kepada pihak berkenaan.

"Hanya dengan komputer jalur lebar di rumah atau di tempat kerja, segala persoalan dan jawapan berada di hujung jari. Apa yang lebih menyenangkan ialah penduduk Selangor tak perlu pergi ke tempat tertentu untuk mendapatkan talian internet. Bagi saya usaha kerajaan negeri patut dipuji kerana memberi kesenangan kepada semua pihak," jelasnya lagi.